

# Singapura setuju runding sebelum laksana peraturan

PASIR GUDANG, Khamis — Singapura setuju berunding serta mendapat pandangan Malaysia sebelum memperkenalkan atau menguatkuasakan peraturan yang memberi kesan kepada rakyat negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau sudah menghubungi rakan sejawatan, Goh Chock Tong bagi menyatakan pendirian Malaysia mengenai pelbagai peraturan yang dikenakan republik itu sejak kebelakangan ini.

"Goh setuju mengadakan perbincangan dan rundingan mengenai perkara yang mempunyai kesan terhadap rakyat negara ini. Kita juga setuju berbuat demikian sebelum menguatkuasakan peraturan yang memberi kesan kepada rakyat republik itu.

"Kita berpendapat sepatutnya perkara itu dibincangkan terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Titan Himont Polymers (M) Sdn Bhd, di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, beberapa peraturan Singapura, termasuk bayaran untuk motosikal dan Permit Kemasukan Kenderaan tidak menjejaskan hubungan.

"Hubungan kita dengan Singapura sekarang tidak begitu buruk," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Perdana Menteri mahu agensi kerajaan sama ada di peringkat Pusat atau negeri memberi sokongan kepada syarikat swasta bagi membolehkan mereka melaksanakan segera projek perindustrian.

Bagaimanapun, katanya, mereka perlu memastikan syarikat terbit memenuhi syarat asas iaitu tidak menjejaskan alam sekitar dan memberi manfaat jangka panjang kepada negara dan rakyat.

"Kita harus membantu pelaksanaan projek perindustrian swasta terutama untuk memajukan lagi perkembangan Penyelidikan dan Pembangunan," katanya.